

UUM ONLINE: Penuh dengan warna warni, itulah yang dapat digambarkan dengan Pameran *Mooncake Festival Charity Night 2010* telah diadakan di Foyer Perpustakaan Universiti Utara Malaysia (UUM) pada hari ini.

Pameran dirasmikan oleh Yong Kok Chin yang merupakan Pegawai Khas bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat diadakan bagi mempromosikan *Mooncake Festival Charity Night 2010* yang akan diadakan pada 8 Oktober ini yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar.

Dalam pada itu, terdapat aktiviti penjualan tiket bagi program akan datang dan penjualan baju kepada orang ramai, 10 peratus daripada hasil jualan tersebut akan disumbangkan kepada beberapa rumah kebajikan.

Pengarah Projek, Law Zhi Jing berkata, program ini telah mendapat penyertaan yang memberangsangkan pada tahun ini sehingga 156 pelajar terbabit dalam aktiviti mempromosi dan menjayakan festival pada tahun ini.

"Lebih membanggakan apabila kaum Melayu dan India turut mengambil bahagian bagi menjayakan program ini bersama-sama sebagai menghargai semangat 1Malaysia," katanya.

Bagi Hamizan Ismail selaku Timbalan Pengarah Projek, menyifatkan program seperti ini dapat menyatu padukan kaum-kaum yang ada dan memberi banyak pengetahuan yang berguna mengenai budaya kaum lain.

"Program seperti ini boleh menjadi landasan kepada generasi baru untuk bersatu menjadi sebuah keluarga besar selaras dengan harapan Perdana Menteri.

"Saya berterima kasih kepada UUM kerana setiap tahun perayaan kebudayaan berlainan kaum dapat diadakan dengan jayanya di universiti ini," katanya.

Turut hadir bagi memeriahkan majlis tersebut, Penyelaras KoKurikulum dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Mohd Fairus Abd Majid.

habis.

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my